

# Ahli Suksis layak jadi inspektor sukarelawan

BH 7/12/06

## Siswa yang menjadi PVR diberi keutamaan isi jawatan PDRM

Oleh Khairina Yasin

**A**NGGOTA Kor Sukarelawan Polis Siswa (Suksis) yang berjaya menamatkan latihan asas sukarelawan polis di institusi pengajian tinggi (IPT) masing-masing berpeluang dilantik sebagai Inspektor Sukarelawan Polis (PVR).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata PVR yang dilantik akan ditempatkan di tempat tinggal atau lokasi kerja masing-masing berdasarkan kekosongan yang ada.

Sekiranya tiada kekosongan, katanya, anggota terbabit akan diberikan keutamaan mengisi kekosongan jawatan sebagai inspektor dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), pada masa depan.

"Tahun lalu, PDRM menerima



**MERAI KEJAYAAN:** Musa (berdiri, empat dari kanan) bersama sebahagian anggota Kor SUKSIS selepas majlis istiadat tamat latihan di UUM, Sintok, semalam.

### FAKTA NOMBOR

Permohonan Pegawai Kadet PDRM 2006

**13,900**

Kadet Inspektor

**5,828**

Kadet Asisten Superintenden Polis

13,425 permohonan bagi jawatan Inspektor dan 5,974 (Kadet ASP).

"Jumlah itu meningkat pada tahun ini iaitu 13,900 bagi Inspektor, manakala 5,828 lagi, Kadet ASP. Darpada jumlah itu, hanya 617 Inspektor dan 84 Kadet ASP diambil tahun lalu, manakala 723 Inspektor dan 50 ASP tahun ini.

"Berdasarkan jumlah itu, ia menggambarkan persaingan kerjaya semakin sengit berikutan semakin ramai pelajar berkecenderungan berminat

menganggotai PDRM," katanya selepas merasmikan Majlis Istiadat Tamat Latihan Asas Sukarelawan Polis di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UUM, Datuk Dr Nordin Kardi, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah merangkap Komandan Kor Suksis UiTM; Ketua Polis Kedah, Deputy Komisioner, Datuk Zuber Shariff dan Ketua Polis Selangor, Deputy Ko-

misioner Datuk Ismail Omar.

Seramai 117 pelatih Kor Suksis dari UUM dan UiTM berjaya menamatkan latihan asas kesukarelawan polis di universiti masing-masing, tahun ini.

Musa berkata, program Kor Suksis yang disasarkan khusus kepada pelajar IPT awam itu disifatkan sebagai usaha pembangunan modal insan yang penting dan strategik kepada negara kerana mereka adalah pewaris kepimpinan pada masa depan.